


Newspaper	Berita Harian
Date	2 July 2015

# Langkah tegas atasi kebimbangan Fitch

» Kerajaan jamin tangani pengecilan lebihan akaun semasa negara

Oleh Mohd Hamizar Hamid dan Irwan Shafrizan Ismail  
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur



**“ Kita berazam mengekalkan dasar keamanan fiskal dan mempunyai asas ekonomi paling kukuh bagi mencapai cita-cita berpendapatan tinggi ”**

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

**D**atuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan mengambil langkah tegas bagi menangani kebimbangan termasuk lebihan akaun semasa negara yang mengecil dan nisbah kecairan yang berkurangan seperti dibangkitkan Agensi Fitch Ratings.

Perdana Menteri juga memberi jaminan kerajaan akan meneliti kemungkinan pertambahan dalam liabiliti luar jangka berhubung Malaysia Development Bhd (IMDB).

"Malaysia gembira dengan penarafan kredit dan semakin menaik prospek oleh Fitch Rating Agency. Justeru, kita berazam mengekalkan dasar keamanan fiskal dan mempunyai asas ekonomi paling kukuh bagi mencapai cita-cita berpendapatan tinggi," katanya.

Beliau juga berkata semakin unjuran oleh Fitch Ratings ke atas Malaysia daripada negatif kepada stabil menunjukkan dasar ekonomi dan pengurusan kerajaan yang baik.

Dalam kenyataan kelmarin, Fitch Ratings melaporkan semakin uryuran dibuat beriku-

tan kedudukan fiskal negara yang semakin baik, pertumbuhan ekonomi menggalakan, defisit yang dijangka terus menurun dengan nisbah kecairan luar masih melebihi garis penengah dan dijangka meningkat dalam tempoh kajian.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, pula berkata penilaian terbaru itu pengiktirafan kepada usaha berterusan kerajaan melaksana pembaharuan struktur membina ekonomi yang mapan, inklusif dan berdaya asing.

#### Asas ekonomi kukuh

Beliau berkata, penilaian itu mencerminkan asas ekonomi kukuh dan kedudukan kewangan mantap negara.

"Kerajaan mengalu-alukan pengumuman Fitch Ratings mengesahkan penarafan kemungkiran penerbit (IDR) ma-

ta wang asing jangka panjang negara pada 'A-' dan menyemak semula prospek dengan menaikkan kepada stabil daripada negatif.

"Pengesahan dengan prospek stabil ini mencerminkan pandangan yang adil dan seimbang terhadap komitmen kerajaan kepada dasar makroekonomi yang kukuh dan pembaharuan fiskal.

"Fitch juga mengiktiraf pembaharuan struktur yang dilaksanakan kerajaan seperti rasionalisasi subsidi dan kepelbagaian hasil terutama pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)" katanya.

#### Perkukuh kewangan awam

Justeru, Irwan berkata, kerajaan berazam mengukuhkan kewangan awam dan akan terus berada di landasan pengukuhan fiskal bagi mencapai bajet berimbang meruelang tahun 2020, sekali gus memastikan program transformasi kerajaan memberi manfaat kepada ekonomi serta rakyat.

"Inisiatif ini akan diteruskan menerusi Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) bagi mengubah Malaysia menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi, inklusif dan mapan," katanya.

Irwan berkata, meskipun ada kebimbangan Fitch terhadap isu Malaysia Development Bhd (IMDB), penjelasan mengenai pelan dan opsyen rasionalisasi termasuk pengurangan asetnya jelas menunjukkan IMDB tidak akan membawa risiko sistemik kepada sektor kewangan.

"Walau apa pun cabaran dalam persekitaran luar, ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dengan sektor swasta memacu pertumbuhan. Keyakinan pelabur masih kukuh seperti dilihat dalam lebihan langganan terbitan sukuk ASS1.5 bilion (RM5.62 bilion) pada April 2015," katanya.

Lagi Berita - BISNES  
B1, B2